



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 23

RABU 6HB JUN, 1979.

1399 رابو 10 رجب

PERCHUMA



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan mengurniakan Pingat kepada W.O. II Hamidon bin Mohd Noor dalam satu Upacara Penyampaian Pingat bersempena penubuhan ke-18 AMDB di-padang Besar Bandar Seri Begawan.

24 orang pegawai dan anggota AMDB terima pingat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin selaku Colonel-in-Chief Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah berkenan mengurniakan pingat2 perkhidmatan lama dan berperinggi baik kepada 24 orang pegawai dan anggota pasukan itu.

Upacara penyampaian pingat2 tersebut telah di-langsungkan di-Padang Besar di-sini pada petang Khamis, 31hb Mei lepas dan merupakan acara kemunchak bagi menyambut ulang tahun yang ke-18 penubuhan AMDB yang di-serikan dengan berbagai acara pertunjukan kelengkapan dan pergerakan tentera di-semua daerah negeri ini.

Keberangkatan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan upacara yang di-serikan dengan persembahan permainan pencharagam AMDB telah di-sambut oleh Lt. Kol. C. J. Bowden, Timbalan Pemerintah AMDB dan turut di-saksikan oleh kerabat2 Diraja, pembesar2 negara serta orang ramai yang membantiri keliling padang.

Terdahulu dari itu perayaan ke-18 tahun tertubuh-nya AMDB di-Daerah Brunei-Muara telah juga di-langsungkan di-Dermaga Kastam di-sini pada sa-belah tengahari di-mana beribu2 penduduk di-kawasan berkenaan telah membantiri kawasan pertunjukan.

Di-samping berkesempatan menyaksikan sa-chara dekat peralatan tentera yang terdapat dalam beberapa buah kapal pe-

ronda yang laju, orang ramai itu juga telah melihat pertunjukan kepakaran memecah bom, menegagah kebakaran, pasokan meriam katak, kereta perisai Scorpion dan pertunjukan perubatan.

Chawangan Udara dengan pesawat helikopter Bell 212 telah turut mempertunjukan kecekapan mereka dalam kerja2 menyelamat di-laut yang merupakan persembahan yang mengagumkan perhatian orang ramai tentang bagaimana kerja2 menyelamat di-lakukan menerusi pesawat helikopter.

Di-Daerah Tutong bertempat di-Perkhemahan Battalion Kedua para pengunjong telah di-saksikan dengan pertunjukan2 permainan muzik oleh Pasukan Serunai dan Tambor, perlumbaan land rover, pertunjukan kawad dan pertunjukan kecekapan kereta perisai Scorpion.

Lihat muka 16

Perarakan Berchuchol Di-Laut

BANDAR SERI BEGAWAN — Perarakan Berchuchol Di-Laut akan di-adakan di-Sungai Brunei pada 21hb Julai sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu perarakan chuchol yang menggunakan minyak tanah dan yang menggunakan janakuasa letrik.

20 ORANG PEGAWAI AMDB DI-KORNIKAN BINTANG2 KEBESARAN

PEKAN TUTONG. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat ka-Majlis Jamuan bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-18 penubuhan Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Battalion Kedua di-sini pada hari Sabtu lalu.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, yang juga selaku Colonel-in-Chief pasukan AMDB, telah di-alu2kan oleh Pemerintah Pasukan AMDB, Brigadier Dato Norman Roberts.

Di-majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei, telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei kepada 20 orang pegawai AMDB.

Mendahului senarai pengurnian itu ia-lah Lt Kolonel D. Wright dengan di-korniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa — Darjah Kedua — DSLJ.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Major Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir di-korniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia, Darjah Kedua —

Lihat muka 16



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan berangkat ka-Majlis Jamuan di-Perkhemahan Tutong dengan di-iringi oleh Pemerintah Pasukan AMDB, Brigadier Dato Norman Roberts (kiri).

**Kemundoran anak2 kita bukan di-sebabkan
tidak mempunyai kebolehan**

SEBAB KURANG GALAKAN DAN DORONGAN

JALAN MUARA. — Pengarah Pelajaran, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menegaskan bahawa kemundoran anak2 Melayu di-dalam berbagai bidang bukan-lah di-sebabkan tidak mempunyai kebolehan atau otak yang kurang baik.

Beliau menyarankan salah satu faktor yang menyebabkan kemundoran itu ia-lah kurangnya galakan dan dorongan.

"Galakan dan semangat ingin maju ini-lah yang sangat2 berkurangan di-kalangan murid2 kita khas-nya dan bangsa kita Melayu umom-nya", tambah beliau.

Beliau berkata, sa-lagi galakan dan semangat ingin maju ini tidak terdapat di-jiwa kita orang Melayu, sa-lagi itu kita akan mundur dan ketinggalan oleh bangsa2 asing.

Dari itu, Awang Haji Ahmad menyeru para guru dan ibubapa supaya senantiasa mendorong serta menanamkan semangat ingin maju dalam menyempurnakan pelajaran2 anak2 di-bangku sekolah.

Beruchap di-Majlis Penyampaian Hadiah Pelajaran Terbaik bagi tahun 1978 Bahagian Pelajaran Rendah di-Sekolah Melayu Delima Satu pada hari Rabu lalu, Awang Ahmad menyatakan bahawa majlis tersebut ada-lah salah satu objektif yang penting untuk memberikan galakan serta semangat ingin

maju dan berlumba2 di-kalangan murid2.

Beliau berkata, sa-chara tidak langsung pemberian hadiah pelajaran itu akan memberikan satu inspirasi atau nafas baru kepada murid2 dan juga akan memberikan satu harapan kepada mereka supaya sentiasa rajin belajar dan berusaha demi untuk menchapai sa-suatu kejayaan.

Kesedaran di-dalam sa-tiap jiwa kanak2 semesti-nya-lah ditanamkan pada peringkat awal2 lagi supaya kesedaran itu akan terus berkembang dan bersemedi di-dalam jiwa mereka sesuai dengan pepatah kita Melayu: "Kalau hendak melentor buloh itu biar-lah sa-masa maseh rebong lagi", tambah beliau.

Menyentuh mengenai dengan pelajaran, Awang Haji Ahmad menfiskan bermula-nya pelajaran pra-sekolah awal tahun ini ada-lah merupakan satu era baru dalam perubahan dasar pelajaran di-negeri yang mana tujuan utama dasar ini ia-lah untuk mendedah dan menyediakan kanak2 yang berumur 5 tahun pada suasana sekolah sabelum mereka menghadapi pelajaran yang lebih formal.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran, kata-nya telah memikirkan langkah mengadakan pelajaran pra-sekolah ini ada-

Lihat muka 16



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASHMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

6HB JUN, 1979

SKIM KEMUDAHAN KEWANGAN

PENGARAH Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Selamat Munap telah menafikan anggapan bahawa Skim Kemudahan Kewangan bagi Peniaga2 Kecil dan Sederhana yang di-tadbirkan oleh Lembaga itu hanya terhad kepada perusahaan menternak ayam sa-chara kechil-kechil sahaja. Anggapan tersebut itu juga ada-lah suatu fitnah yang sengaja hendak merosakkan Skim Kemudahan Kewangan yang di-ranchang begitu rupa untuk membantu kaum bumiputera dalam bidang ekonomi. Atau kemungkinan juga tuduhan itu datang-nya dari orang yang tidak bertanggung jawab yang sanggup di-peralatkan oleh orang asing yang melihat dengan jelas skim tersebut hanya di-hadkan untuk kaum bumiputera sahaja! Petualang2 seperti ini-lah yang kita harus awasi bersama2. Ia bukan-nya sahaja seperti duri dalam daging bagi kaum bumiputera bahkan ia-nya merupakan anti nasional!

Kerana sejak skim ini di-mulakan pada 1hb Ogos, 1977 yang lalu; sa-banyak 90 permohonan untuk mendapatkan bantuan kemudahan kewangan telah di-luluskan melibatkan wang sa-jumlah \$4,250,927.00 bagi projek2 sa-tiap sektor ekonomi. Dan kemungkinan ada banyak lagi permohonan yang serupa itu masih dalam proses pertimbangan. Lekas dan lambat-nya sesuatu permohonan itu, terpalang-lah di-atas syarat2 yang terkandung dalam permohonan itu dan tidak pula bertentangan dengan peraturan2 lain yang sedang dikuatkuasakan pada masa ini. Bagaimana pun, beberapa perkembangan yang sehat dan penting telah dapat di-laksanakan dalam tugas2 yang telah di-amanahkan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi itu.

Untuk mempercepatkan lagi pencapaian keputusan ka-atas permohonan2 pinjaman itu, dalam bulan Februari 1978 yang lalu, Lembaga itu telah memutuskan untuk memberikan kuasa kepada Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, dengan persetujuan pengerusi, untuk meluluskan atau sebak-nya mana2 permohonan pinjaman dari peniaga2 kaum bumiputera bagi tujuan membeli kereta2 teksi yang baharu. Dalam langkah selanjut-nya untuk lebih mempercepatkan lagi proses pencapaian keputusan ka-atas permohonan2 pinjaman kemudahan kewangan itu, Lembaga Kemajuan Ekonomi itu juga telah melantik sabuah Jawatankuasa Kechil untuk mempertimbangkan permohonan2 pinjaman dari kaum bumiputera yang tidak lebih \$40,000.00 bagi apa juga projek2 yang viable di-bidang perindustrian, perdagangan, pertanian dan lain2.

Untuk menguatkan lagi kenyataan bahawa kejayaan Lembaga Kemajuan Ekonomi di-bawah Skim Kemudahan Kewangan yang tidak hanya terhad kepada pembeanaan rebat2 ayam atau ternakan2 ayam sa-chara kechil-kechil; maka di-sini kita ingin menarek perhatian bahawa sa-jauh ini Lembaga itu juga telah membantu pemohon2 dalam pembeanaan membesarkan blok rumah pangsa; membiayai pembelian bas2 sekolah, kereta teksi, injin2 outbot dan bot; Pembeanaan kilang papan dan sa-buah kilang membuat alat2 perabot; Sa-buah estet perumahan; Pembelian alat2 menangkap ikan; Pengangkutan kapal antara Brunei dan Labuan; Penubuhan pembeanaan perusahaan runchit2; Sa-buah firma akitek Melayu yang pertama di-negeri ini dan seumpama-nya.

Dalam hal ini, orang boleh chakap apa yang ia hendak chakap — tetapi hendak-lah mempunyai alasan2 yang munasabah dan membena bukan-nya hendak merosakkan-nya! Harus-lah juga kita memberikan perhatian di-atas chita2 Lembaga Kemajuan Ekonomi itu untuk melindungi kepentingan2 kaum bumiputera. Melindungi kepentingan kaum bumiputera, khusus-nya orang2 Melayu di-negeri ini berarti bahawa mereka mesti-lah mempunyai pembahagian yang adil dan saksama dalam pemilikan, pengawalan serta perjalanan2 ekonomi. Dari apa yang telah di-maksudkan itu, nyata-lah kepada kita bahawa matalamat utama Skim Kemudahan Kewangan itu, ia-lah untuk membantu mengujudkan serta memperkembangkan penguasa2 dan peniaga2 kaum bumiputera dalam semua sektor ekonomi di-negeri ini. Jangan-lah maksud yang suchi ini DI-AMPAI2KAN jauh sekali untuk di-jadikan PAIBUNAN. Jika usaha seumpama ini gagal, akhirnya kaum bumiputera sendiri juga yang akan rugi di-tanah ayer-nya sendiri!



AWANG Ali Akbar bin Abu Bakar telah menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam peraduan tersebut. Gambar atas beliau menyampaikan Oskar Kejohanan kepada ketua pasukan Sekolah Persediaan Inggeris Pehin Dato Jamil dan kiri pemenang kedua ia-itu Sekolah St. Andrew.

Peraduan Tarian Asli bagi sekolah2 Rendah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sekolah Persediaan Inggeris Pehin Dato Jamil dan Sekolah Melayu Amar Pahlawan masing2 telah munchol sa-bagai johan dalam

Peraduan Tarian Asli Brunei bagi Sekolah2 Persediaan Inggeris dan Rendah Melayu Kerajaan sa-negeri yang telah di-adakan di-Pusat Belia pada malam Sabtu yang lalu.

Kumpulan penari SPI Pehin Dato Jamil yang membawakan Tarian Halus Jua Dindang telah mengalahkan 11 buah Sekolah Persediaan Inggeris yang lain. Sementara Sekolah Melayu Amar Pahlawan yang membawakan Gabungan Tarian Samalindang dan Zapin telah mengalahkan lima buah Sekolah Rendah Melayu.

Tempat kedua dalam Bahagian Sekolah Persediaan Inggeris telah di-menangi oleh Sekolah St. Andrew sementara tempat ketiga di-menangi oleh Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil.

Manakala dalam Bahagian Sekolah Rendah Melayu tempat kedua di-menangi oleh Sekolah Melayu Dato Ahmad, Burong Pinggai Ayer dan pemenang ketiga ia-lah Sekolah Melayu Pengiran Anak Puteri Besar.

Peraduan kali kelima yang di-anjarkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu telah di-rasmikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar Haji Apong sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Pentadbir Jabatan Pelajaran, Awang Ali Akbar bin Abu Bakar.

Lebih dari 1,000 orang termasuk jemputan khas telah menyaksikan peraduan tersebut. Satu persembahan permainan hadrah oleh murid2 Sekolah Rendah Dato Godam dan permainan seruling oleh murid2 Sekolah Melayu Dato Ahmad, Burong Pinggai Ayer juga telah di-adakan sa-bagai acara salingan.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 29hb Mei, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

- 1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati)** — \$33.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
a) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
- 2. LADA KERING — \$2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—**
a) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
- 3. KACHANG HIJAU — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—**
a) Sharikat Hj Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.
b) Haji C A Mohammad & Son, No. 59, Kg Sultan Lama, Bandar Seri Begawan.

KUALA BELAIT

- 1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati)** — \$34.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
a) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty, Kuala Belait.
- 2. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—**
a) Ng Ming Hong, No. 101, Jalan McKerron, Kuala Belait.
b) Chop Ng Ming, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China, Kuala Belait.
- 3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—**
a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.

KUALA BELAIT

- a) Kok Kee,** No. 60, Jalan Pretty, Kuala Belait.
- c) Ng Ming Hong,** No. 101, Jalan McKerron, Kuala Belait.
- d) Chop Ng Ming,** No. E, Bangunan Perdagangan China, Kuala Belait.

SERIA

- 1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati)** — \$35.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Yuang Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning, Seria.
b) Haji C A Mohammad, No. 51, Jalan Bunga Kuning, Seria.
- 2. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—**
a) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
- 3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—**
a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
b) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
c) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
d) Yuang Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning, Seria.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 13hb Jun, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Birau	9.6.1979	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	9.6.1979	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	9.6.1979	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	11.6.1979	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	11.6.1979	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	12.6.1979	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	12.6.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandi	13.6.1979	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	13.6.1979	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	13.6.1979	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	13.6.1979	Rabu	11.30-12.00 T/Hari



AHLI2 MMN MELAWAT PROJEK PADI K'JAAN

PENGKALAN BATU. — Satu rombongan yang mengandungi sa-ramai sembilan orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri telah mengadakan lawatan ka-projek padi kerajaan di-Kampung Panchor Murai dan Wasan di-Daerah Brunei-Muara pada hari Selasa minggu lalu.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Speaker Majlis Mashuarat Negeri, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar bin Pg. Umar (gambar kiri).

Ketibaan rombongan tersebut telah di-alu2kan oleh Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroffe yang kemudiannya memberikan penerangan mengenai rangka2 projek yang telah dan sedang di-jalankan di-kawasan tersebut.

Sa-telah menerima taklimat rombongan itu pun di-bawa melawat sekitar kawasan penanaman padi di-Wasan, Panchor Murai dan Imang.

Projek di-kawasan tersebut telah pun di-mulakan sejak awal bulan Januari tahun lepas dan kerja2 membersekan kawasan itu bermula pada pertengahan tahun lepas.

Kawasan projek yang meliputi sa-luas 6,000 ekar itu telah di-kendalikan bersama oleh Jabatan Pertanian dan Jabatan Kerja Raya.

Di-akhir lawatan pelawat2 tersebut telah berkesempatan melawat Limau Manis di-mana di-kawasan ini Jabatan Pertanian juga berhadang untuk membuka projek penanaman padi.

Pada hari Rabu lepas ahli2 Majlis Mashuarat itu telah melawat ka-Steshen Pertanian Luahan.

Mashuarat Agong

SENGKURONG. — Mashuarat Agong Tahunan Sharikat Melayu Sengkuring akan di-adakan di-Sekolah Ugama Sengkuring pada hari jumaat 8hb Jun mulai jam 7.30 pagi.

Mashuarat itu antara lain akan memilih ahli2 Lembaga Pengarah bagi tahun 1979/1980 dan membincangkan agenda yang di-tetapkan.

Setia Usaha Lembaga Pengarah, Awang Haji Mohd Tamir bin Haji Mangol meminta semua ahli2 sharikat itu supaya hadir ka-mashuarat tersebut.

Empat orang lagi naik pangkat

BANDAR SERI BEGA. — Empat orang Pegawai dalam Bahagian IV telah di-naikkan pangkat ka-Bahagian III. Menurut senarai yang di-keluarkan oleh Jabatan Perjawatan, dua orang dari mereka telah di-naikkan pangkat sebagai Pegawai Penyelidik, Dewan Bahasa dan Pustaka. Mereka ia-lah Awang Rusli bin Awang Morni, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama dan Awang Yaakub bin Haji Mohd Yassin, Jurugambar DBP.

Dayang Fiona Lim, Juru Trengkas Inggeris — SUK telah di-naikkan pangkat menjadi Kerani Sulit/Jurutulis — Istana.

Kenaikan pangkat bagi ketiga2 orang pegawai itu bermula 1hb Mei, 1979.

Awang Hasni bin Abdul Hamid, Setia Usaha Lembaga Penguasa Melisen Kereta2 Sewa — Kenderaan Darat telah di-naikkan pangkat menjadi Kerani Tingkatan II mulai 1hb Januari, 1979.

Sementara itu Jabatan Perjawatan juga mengumumkan pertukaran tiga orang pegawai.

Awang Omar bin Haji Serudin, Pegawai Pentadbir Kanan-SUK telah di-lantik sa-bagai Timbalan Pengawal Kastam dan Bea mulai dari 5hb Mei, 1979.

Awang Mohd Adnan bin Haji Abu Hanifah, Kerani Tingkatan II di-Jabatan Kemajuan Kerjasama di-tukar ka-Jabatan Letrik dalam jawatan yang sama sementara Pengiran Metassan bin Pg Md Yusof Kerani Tingkatan II mengambil tempat Awang Mohd Adnan. Pertukaran kedua2 Kerani itu bermula 15hb Mei 1979.

Pemenang2 Pertandingan Melukis Poster anjoran Jabatan Pelajaran

BANDAR SERI BEGA. — Jabatan Pelajaran telah mengumumkan keputusan Pertandingan Melukis Poster bagi kanak2 yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian jabatan itu bersempena Hari Kesihatan Sa-Dunia.

Dalam kumpulan 'A' ia itu bagi kanak2 yang berumur 7 hingga 8 tahun, Dayang Ching Thing Khiong dari Sekolah Menengah Chung Hwa telah mendapat hadiah pertama. Hadiah kedua dan ketiga dalam bahagian ini tidak ada.

Dayang Norsinah binte Abd Rahman, Dari Sekolah Persediaan Inggeris Amar Pahlawan memenangi hadiah pertama dalam Kumpulan 'B' (umur 9 hingga 10 tahun); hadiah kedua di-menangi oleh Yang Tau Seng dari Seko-

lah Menengah Chung Hwa. Hadiah ketiga tidak ada. Dalam Kumpulan 'C' (umur 11 hingga 13 tahun); hadiah pertama di-menangi oleh Voon Pih Ha dari Sekolah Menengah Chung Hwa; pemenang kedua ia-lah Dayang Rosita binte Mohd Saidi dari Sekolah Melayu OKSB Kilanas; Lau Mee Ling dari Sekolah Chung Hwa memenangi hadiah ketiga.

Pemenang pertama dalam tiap2 Kumpulan menerima hadiah wang tunai sa-banyak \$250.00; tempat kedua, \$200.00 dan pemenang ketiga, \$150.00.

Penyusun Latehan Kesenian, Awang Zainie bin Abdul Hamid menyatakan penyampaian hadiah kepada pemenang2 akan di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada

hari Sabtu 30hb Jun jam 2.30 petang.

Beliau menyeru kepada pemenang2 dalam pertandingan itu supaya hadir pada tarikh dan tempat yang di-sebutkan.

Peraduan dan Pameran Senilukis

BANDAR SERI BEGA. — Satu Peraduan dan Pameran Senilukis akan di-adakan di-Daerah Brunei-Muara bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun.

Pameran itu akan di-adakan di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini sa-lama 10 hari mulai 14hb Julai.

Peraduan ini akan di-bahagikan kepada enam bahagian ia-itu potret — subjek bebas; pemandangan; alambenda (benda kaku); batek; Abstrak dan arca — copper-tooling. Karya relief dan sebagainya.

Peraduan ini ada-lah terbuka kepada pelukis2 di-

seluruh negeri yang berumur 16 tahun ka-atas. Pelukis2 di-benarkan memasuki salah satu atau semua bahagian, tetapi hanya di-benarkan menghantar satu karya sahaja pada tiap2 bahagian.

Semua karya hendaklah di-bingkai (frame) atau dilapis dengan baik dan sempurna dan di-buboh nama di-belakangnya. Demi untuk meninggikan taraf Peraduan dan Pameran Senilukis ini, jawatankuasa adalah berhak menapis semua karya2 yang di-hantar. Hanya lukisan2 yang menchapai mutu peraduan dan pameran saja akan dipamerkan.

Semua karya hendaklah di-hantar tidak lewat dari hari Khamis 5hb Julai, 1979.



SA-RAMAI 15 orang penuntut Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah telah mengadakan lawatan ka-Steshen Ternakan Luahan, Jerudong pada 24hb Mei yang lalu. Gambar atas kelihatan penuntut2 tersebut di-berikan taklimat mengenai pengendalian tanaman rumput oleh Pegawai Perusahaan Ternak, Awang John Woodford, sa-belum mereka di-bawa melawat ka-kawasan pemeliharaan lembu.

Gambar bawah pula ia-lah peserta2 penanam kelapa Kampong Junjongan ketika melawat ka-Steshen Pertanian Birau — Gambar2 Jabatan Pertanian.





Pehin Dato Isa followed by the Acting District Officer, Awang Puasa and other officials crossing a river after visiting Kampong Supon Besar.

General Adviser visits Ulu Tutong

TUTONG — The Yang Teramat Berhormat General Adviser of His Highness the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa last Wednesday visited three remote kampongs in the Tutong District.

The purpose of his visit was to get a first hand knowledge of the problems encountered by the residents of the three kampongs — Belabau, Supon Kechil and Supon Besar.

Pehin Dato Isa was accompanied by the Acting Tutong District Officer Awang Puasa bin Tudin, a Legislative Councillor, Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking and officials from the General Adviser's Office and Agriculture Department.

Tutong District on display

KOTA BATU. — Photos and posters depicting the development and history of the Tutong District are currently being exhibited at the Brunei Museum here.

The month-long exhibition, organised jointly by the Museum and the Tutong District Office, started last Wednesday.

The photos and posters show the numerous government projects, social and economic developments in the district.

TWO MORE EVENTS ORGANISED

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two more popular events are now being organised as part of this year's programme to celebrate His Highness the Sultan's thirty-third birthday.

The lantern and floats procession will be held here on July 16 and is open to government departments, firms, villages, youth asso-

ciations, schools, and colleges in the Brunei-Muara District.

Those interested in taking part should get the entry forms available from Pengiran Haji Mohammed bin Pengiran Badar at the Medical and Health Department or from Pengiran Hj Abdul Momin bin Pengiran Damit at the

Pensions Department here and return them not later than July 4.

The other event is a music presentation in which ten school bands are scheduled to take part.

The presentation which is also to commemorate the Year of the Child will be held some time next month at the padang here.

Formula race to be one of events in Grand Prix

BANDAR SERI BEGAWAN. — For the first time a Formula Car race will be one of the major events in this year's Grand Prix to be held on July 21 and 22.

The Brunei Automobile Association which is organising the Grand Prix as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations said it had already received seven entries are from Hong Kong, Singapore, Malaysia and the Philippines.

There will be a total of twelve races including four for motor cycles and the main event will be the super saloon car race which will be open to local and foreign drivers.

Drivers who wish to try their luck in the Grand Prix should get the entry forms which are now available from Awang Mohammad Yusof bin Abdullah at the Civil Aviation Department.

The forms should be returned not later than June 15.

Best students receive prizes

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of one hundred and twenty students throughout the State were presented with prizes at a ceremony held last Wednesday at the Delima Satu Malay School near here.

The students who were top of their classes last year received the prizes from the Director of Education, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Tabika offers free education to orphans

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Tabika Nusa Laila Puteri, a locally-owned kindergarten, is again offering free education for the second year running to orphans between the ages of three and five.

The kindergarten said the children will be placed at a branch nearest their homes, and it asked guardians to contact the Principal, at the Cheong's Mansion here, without delay.

STATE - WIDE CELEBRATIONS MARK BIRTHDAY

BANDAR SERI BEGAWAN — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin presented long service medals to twenty-five personnel of the Royal Brunei Malay Regiment at a ceremony held last Thursday at the padang here.

The ceremony was the highlight of state-wide celebrations marking the eighteenth birthday of the regiment.

The Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan is the Colonel-in-Chief of the regiment during whose reign the regiment was set up way back in 1961.

Silat, kuntau competition

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Muara District Silat and Kuntau competition in honour of His Highness the Sultan's thirty third birthday will be held at the Youth Centre here on June 25 and 26.

The competition is open to all Brunei citizens residing in the district and those interested in taking part in the competition are asked to contact the Brunei Muara District Office here.

This year the celebrations were held simultaneously in the State's four major towns and thousands of people from all walks of life visited the regiment's Bangar and Tutong Camps, the Ahmad Tajuddin Secondary School padang in Kuala Belait and the customs wharf here.

The celebrations included pictorial displays explaining the regiment's growth, military parades and demonstrations of skills and weapons.



A demonstration of first aid by the soldiers was one of the events held at the Bandar Seri Begawan customs wharf (above). An exhibition of regimental equipment at the RBMR's Tutong Camp.



PERANAN KERAJAAN DAN UGAMA

oleh: Hj Badaruddin b. Pgh Hj Othman

Seminar Dakwah Islamiah Pegawai2 Rendah Kerajaan

muslihat kehidupan di-mana manusia itu ada-lah 'khalifah' di-bumi tidak akan berhasil dengan tiadanya pemerintahan. Dengan itu bernegara dan berkerajaan ada-lah wajib hukumnya.

Dalam bernegara dan berpemerintahan itu wajib pula di-adakan ketua negara yang di-beri 'kuasa' (yakni lebih tepat di-sebut di-beri kewajipan) mengendalikannya urusan2 agama dan urusan2 dunia lain-nya.

Dalam menjalankan kuasa2 (yakni kewajipan)-nya itu antara-nya wajib pula-lah ketua negara itu melakukan apa yang di-sebut "Istikfa'ul umama wa taqadun nusa" yang dalam istilah kenegaraan pada masa ini tepat sa-kali di-tafsirkan sa-bagai membuat lantikan2 pegawai atau kakitangan bagi kerajaan, memegang apa2 jawatan kerajaan sa-bagai 'wakil'-nya.

Asas2 hukum yang mewajibkan ketua negara membuat lantikan2 itu ialah sa-bagaimana di-sebut dalam firman Allah, Ayat 58, surah An-Nisa' yang antara lain menyerukan supaya di-tunaikan amanah2 kepada ahli-nya (orang yang ampunya). Adapun 'amanah' itu ada dua macham, salah satu-nya ialah dalam perkara lantikan2 sa-tiap2 urusan orang2 Islam.

Dan dalam riwayat mengenai sebab turun-nya ayat berkenaan itu, Rasulullah s.a.w. apabila telah memasoki sa-mula Mekah Baginda ada menerima kunchi2 Ka'abah dari Bani Shaibah yang turun-temurun memegang kunchi2 itu. Kemudian kunchi2 itu di-pinta oleh Al-Abbas (satu riwayat menyebutkan di-pinta oleh Ali bin Abi Talib). Lalu turun-lah ayat tersebut. Maka Baginda Rasulullah s.a.w. pun mengembalikannya sa-mula kunchi2 itu kepada Bani Shaibah.

Manakala Siring bin Lahing, sa-orang pemuda Dusun berasal dari Serian, Sarawak telah melangsungkan majlis pengislaman-nya di-rumah Awg Haji Lupa di-Kampung Mulaud. Dia kini di-kenali sa-bagai Mohammad Alikhan bin Abdullah.

Kesemua saudara2 baru itu melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laifa (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Haji Ismail bin Mat Serudin sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hal Ehwal Ugama, Brunei, dan Tabligh.

PERNAH-KAH terfikir oleh kita; bagaimana perasaan kita apabila mendengar bunyi riuh rendah dan bunyi 'lakap lagor' dari jiran sa-belah kita? Tentu-lah serba sedikit akan membangkitkan api kemarahan walaupun barangkali sa-kali-sa-kali dapat di-tahan2ni. Api kemarahan akan kian memuncak apabila kita mendengar bunyi2 tersebut di-tengah malam ketika kita sedang nyenyak tidur. Serba sedikit akan mengejutkan dan mengganggu ketenangan kita yang sedang tidur itu, dan sudah tentu mata akan 'menyamal' untuk meneruskan sa-mula tidur. Dan keadaan akan lebih terok lagi jika di-kenali bunyi riuh-rendah itu, salah sa-orang dari ahli di-rumah kita itu sedang sakit ataupun kita mempunyai anak 'damit' yang memerlukan banyak tidur. Tentu-lah serba sedikit akan menjejaskan kesihatan mereka. Ini-lah hasil2 yang akan diperolehi dari bunyi riuh rendah yang kedengaran tadi.

Kalau kita perhatikan betul2 akan kedudukan perkara ini, tentu-lah kita akan mengatakan yang perbuatan seperti ini ada-lah tidak baik dan malah mendatangkan sa-suatu yang tidak baik dan tidak di-ingini. Namun begitu maseh juga ada yang tidak segan2 untuk melakukan-nya. Dan ini bererti mereka ini cuma menjaga kepentingan

Hidup berjiran perlu hormat menghormati

peribadi saja, tidak merasa apa yang orang lain rasa. Hari tersebut mungkin hari dia, di-suatu ketika tentu-nya ia akan merasa lebih lagi dari apa yang pernah kita rasa itu. Ia itu ketika ia mengalami apa yang pernah kita rasai dulu.

Ini-lah salah satu dari beberapa ciri yang penting yang mesti di-jaga dalam hidup berjiran. Sama2 pandai menjaga kepentingan masing2 dan merasa apa yang orang lain rasa. Kalau kita tidak suka akan sa-suatu yang tidak di-ingini, tentu-nya juga mereka tidak suka akan perkara tersebut terjadi. Tambahan lagi, telah terang dan jelas akan larangan mengganggu ketenteraman jiran tetangga ini. Dua daripada-nya ialah sa-bagaimana Sabda Rasulullah s.a.w. yang telah di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang maksud-nya kira2: *Barane siapa yang heriman kepada*

Bingkisan minggu ini

Allah dan Hari Akhir' jangan-lah mengganggu tetangga-nya". Dan dalam sa-buah Hadith yang lain yang telah di-riwayatkan oleh Imam Muslim yang maksud-nya kira2 "Tidak masok Shorga orang yang tetangga-nya tidak selamat dan aman dari kejahatan". Begitu-lah dengan terang dan jelas mengenai dengan larangan mengganggu tetangga.

Sa-benar-nya, bukan sa-takat ini saja kepentingan berjiran yang perlu dan mustahak untuk di-awasi, bahkan ada berbagai-bagai lagi yang perlu untuk di-jaga, agar dengan itu nanti perjalanan penghidupan berjiran akan terjalin dengan erat, sempurna dan teratur sa-bagaimana yang sa-patut-nya. Tolong menolong dan bantu membantu antara satu dengan yang lain ada-lah satu2-nya yang patut untuk di-tanamkan di-jiwa kita, agar penghidupan berjiran akan membuahkan sa-suatu yang menguntungkan. Kalau jiran memerlukan sa-suatu bantuan, sama ada yang berupa moral ataupun material, maka jangan-lah kita 'karit2' untuk menghulorkan bantuan. Dengan itu nanti serba sedikit akan menyenangkan hati mereka. Dan di-suatu ketika pula, kalau kita memerlukan mereka tentu-lah mereka tidak akan keberatan untuk memberi bantuan. Apabila keadaan begitu berjalan dengan baik, maka ia akan membuahkan lagi sikap 'hormat-menghormati', 'galat-menggalati', senang di-ajak sama2 berunding dan banyak lagi hasil2 yang baik dan di-ingini.

Apa-kah kita merestui hasil yang baik yang diterima dari jiran kita? Tentu-nya kita akan menyukainya. Kalau sudah demikian, pastikan yang diri kita-lah yang dulu menjunjukkan contoh2 yang baik kepada jiran tetangga kita, agar dengan itu nanti serba sedikit mereka akan mempelajari dari 'keolahan' dan sikap kita itu. Kalau-lah barangkali kita menjunjukkan sa-suatu yang tidak di-ingini sudah tentu-lah rasa sa-fahaman dan timbang rasa tidak ujud di-jiwa kita. Oleh yang demikian, untuk melahirkan perjalanan hidup berjiran yang baik, maka hendak-lah kita menanamkan sikap merasa apa yang orang lain rasa, dan senantiasa membuat sa-suatu yang mendatangkan hasil yang baik, agar dengan itu nanti akan ujud-lah kehidupan berjiran sa-bagaimana yang di-harap2-kan.



GAMBAR atas dari kiri ka-kanan: Hamidon bin Abdullah, Md Bakri bin Abdullah dan Sofandi bin Abdullah, gambar bawah — Aslina bte Abdullah, Rosnah bte Abdullah dan Mohd. Alkhan bin Abdullah.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6hb Jun, 1979 hingga ka-hari Selasa 12hb Jun, 1979 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
6hb Jun		12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06
7hb Jun		12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06
8hb Jun		12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06
9hb Jun		12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06
10hb Jun		12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06
11hb Jun		12.26	3.46	6.37	7.49	4.37	4.52	6.07
12hb Jun		12.26	3.46	6.37	7.49	4.37	4.52	6.07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.


Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PSIR DARUSSALAM BERJILID



Hal Ehwal Ugama, Brunei telah menerbitkan Darussalam Berjilid (seperti dalam gambar). Ia-jilid ia-lah BS18.00. Di-samping itu Darussalam siri ke-79 telah juga di-terbitkan. Ia-jilid ini mengandungi kitab2 tersebut boleh di-dapatkan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, dan Tabligh.

SEKITAR S



ASKAR Melayu Diraja Brunei menyambut Hari Ulang Tahun-nya yang ke-18 sa-rentak di-empat daerah pada hari Khamis lalu dengan mengadakan beberapa pertunjukan dan mempamerkan alat2 kelengkapan tentera.

Beribu2 orang telah berkumpul menyaksikan pertunjukan yang di-adakan oleh anggota2 AMDB itu yang merupakan Hari Terbuka untuk orang ramai.

Di-Daerah Brunei-Muara pertunjukan telah di-adakan di-Dermaga dengan menunjukkan bot2 peronda, kereta perisai Scorpion, helikopter, meriam katak dan lain2 lagi.

Di-Daerah2 Tutong, Belait dan Temburong pertunjukan sa-rupa juga di-adakan.

Kemunchak dari acara sambutan pada hari itu ialah penyampaian Pingat Perkhidmatan Lama dan Berperangai Baik kepada 24 orang pegawai dan anggota pasukan itu. Gambar2 atas dan kiri, kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan mengor-niakan Pingat2 tersebut.

Di-samping menunjukkan peralatan tentera, Chawangan Udara juga telah mengambil bahagian dengan menunjukkan kecekapan anggotanya dalam kerja2 menyelamat di-laut dengan menggunakan pesawat helikopter seperti kelihatan dalam gambar kanan yang mana pertunjukan ini telah mengagumkan perhatian orang ramai.

Pasukan pancharagam dari pasukan itu juga tidak ketinggalan menghiburkan orang ramai dengan memainkan beberapa buah lagu. Gambar bawah kelihatan pasukan Serunai dan Tambor dari Battalion Kedua menunjukkan permainan-nya di-Perkhemahan Tutong.

Di-samping menunjukkan peralatan tentera, Chawangan Udara juga telah mengambil bahagian dengan menunjukkan kecekapan anggotanya dalam kerja2 menyelamat di-laut dengan menggunakan pesawat helikopter seperti kelihatan dalam gambar kanan yang mana pertunjukan ini telah mengagumkan perhatian orang ramai.

Pasukan pancharagam dari pasukan itu juga tidak ketinggalan menghiburkan orang ramai dengan memainkan beberapa buah lagu. Gambar bawah kelihatan pasukan Serunai dan Tambor dari Battalion Kedua menunjukkan permainan-nya di-Perkhemahan Tutong.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 6HB JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "The Ultimate Computer"
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 STAR TREK — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 BOTANIC MAN — "Potential Energy"
Banyak dari penggambaran-nya dilakukan di-Brunei, ranchangan ini menceritakan perangkat perkembangan yang penting dari laut ka-darat. Batu loncatan ini maseh dapat disaksikan di-paya2 pokok bakau di-mana pokok2 ini menunjukkan perubahan2 yang akan mereka lakukan.
- 7.40 AGAINST THE WIND — "The Wild Geese"
Mary menemui sa-orang yang tidak mungkin menjadi teman-nya Polly McNamara dalam pengalaman-nya belayar sa-lama enam bulan di-dalam kapal Britannia.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 AGAINST THE WIND — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 SHOW OF THE WEEK : Celebrity Concert bersama Anne Murray.
- 9.55 PERLAWANAN GUSTI
- 10.45 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 7HB JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 BIG BLUE MARBLE
- 6.30 DR WHO — "Planet of Evil" — Bahagian pertama.
"Mayday" membuat panggilan dari sa-buah planet di-pinggir penchiptan-nya. Doktor dan Sarah di-tarek ka-had yang paling jauh di-dunia ini.
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 DR WHO — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 HIDAYAT
- 7.40 LOU GRANT — "Nazi"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 LOU GRANT — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 DOKUMENTARI MELAYU :

- Struggle for Survival
Yang pertama dalam siri baru.
- 9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 8HB JUN,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 KORG 70,000 BC
"Trapped"
Korg menyedari asas daya pengumpul, bila gegaran gempa-bumi menyebabkan sa-biji batu yang besar untuk menghalang jalan masuk ka-gua, dengan semua kechuali Tor dan Ree terperangkap di-dalam-nya.
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.30 THE FAMOUS FIVE — "Five on Finniston Farm"
Kumpulan ini sedang berchuti di-Finniston Farm dan bertemu dengan Harry dan Harriet sa-pasang kembar yang memasokki kumpulan mereka untuk melawan beberapa orang pelawat2 Amerika yang tidak menyenangkan.
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 THE FAMOUS FIVE — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 MORK AND MINDY — "Old Fears"
Dengan bantuan dari mesin umur "Orkan" Mork telah bertukar menjadi sa-orang tua romantis yang baik hati untuk membebaskan nenek Mindy dari kesedehan-nya yang telah di-sebabkan oleh kematian sa-orang dari teman2-nya yang hanya tinggal sedikit itu.
- 7.40 THE GENERATION GAME
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 THE GENERATION GAME — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
- 9.30 MRS COLUMBO
- 10.20 NIGHT GALLERY — "Deliveries in the Rear"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU - 9HB JUN,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE ADVENTURES OF GULLIVER — "The Rescue"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 MUZIK MUZIK MUZIK
- 7.40 DALLAS — "Red File"
Bahagian pertama.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 DALLAS — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 STARKY AND HUTCH
- 9.55 PREMIER SOCCER
- 10.45 TAYANGAN MALAM SABTU — "The Deadly Bees"
Suara labah2 di-musim panas telah mengubah keadaan yang aman kepada penyanyi pop Vicky Robbins bila dia tiba di-ladang Hargrove untuk berehat — tapi chuti yang diimpikan-nya ini bertukar menjadi keadaan yang menakutkan. Pelakon utama-nya ia-lah Suzanna Leigh dan Frank Finlay.
- 12.10 SIARAN TAMAT.

AHAD - 10HB JUN,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Angin"
- 5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Hot Air Balloon"
Oscar berjumpa belon dan meminta Zaggy untuk meniup-nya. Belon itu mengangkat Oscar ka-udara dan dia tidak berdaya untuk turun semula.
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 CAPTAIN CAVEMAN AND MYSTERY ISLAND — "Valley of Fire"
- 6.30 HOW
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.40 HOW — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE SOUND OF PETULA
- 7.40 RETURN OF THE SAINT — "Hot Run"
Saint melunchor menuju ka-tempat pembunuhan dalam ayer batu di-pergunungan dan menemui jenayah dalam runtohan salji.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 RETURN OF THE SAINT — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MARI GEMBIRA
- 9.45 LILLIE — "Mr Jersey"
- 10.35 THAT'S HOLLYWOOD — "Comic Book Heroes"
- 11.05 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 11HB JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The Man Inside"
Kelakar jujur Laura Ingalls tentang sa-orang lelaki yang gemok yang membawa kepada keadaan yang genting bila dia mengetahui yang orang itu ada-lah ayah kepada sahabat karib-nya.
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 POT BLACK
- 7.40 CHARLIE'S ANGELS
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 HOW THE WEST WAS WON —



ANNE Murray akan dapat di-saksikan mempersembahkan lagu2 merdu dalam ranchangan hiburan 'Celebrity Concert' yang akan di-tayangkan pada malam ini jam 9.05 malam.

"The Scavengers"

Sa-buah perahu yang mewah, membawa 3 orang ahli keluarga Macahar yang sedang menuju pulang tiba2 diserang oleh lanun. Zeb di-pukul hingga tidak sedarkan diri-nya.

11.05 SIARAN TAMAT.

SELASA - 12HB JUN,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 SERIKANDI
- 7.40 FLYING HIGH — "Vanishing Point"
Siri komidi baru mengesahkan tentang pengembaraan tiga orang pramugari2 kapal terbang yang chantek.
- 7.49 AZAN ISHA
- 7.53 FLYING HIGH — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 ARENA SOKAN
- 9.25 DOCUMENTARY : The Special Brain of Karl Kroyer
Karl Kroyer mungkin sa-orang penchipta yang paling mudah untuk menyesuaikan diri di-dunia ini. Kenyataan-nya ini telah membuatnya menjadi sa-orang jutawan buat beberapa kali tapi selain dari hidup dalam kemewahan seperti keluarga diraja, dia terus-terusan menghadapi beberapa masaalah.
- 10.15 MAN UNDERCOVER — "Deadly Convoy"
Sa-orang pegawai polis dan Shay pergi untuk membuat penyiasatan terhadap satu kumpulan bermotorsikal yang gah dan memecahkan keadaan trafik dengan menggunakan basikal2 yang di-churi.
- 11.05 SIARAN TAMAT.



SALAH satu adegan dalam Tayangan Gambar Malam Minggu "The Deadly Bees" yang di-bintangi oleh Suzanna Leigh dan Frank Finlay.



Acharya menarek dalam SERIKANDI minggu ini

TAHU-KAH puan2 macham mana menggunakan bekas2-an botol2 plastik saperti bekas botol minyak makan, botol orange squash, botol susu dan sa-bagai-nya? Ikuti-lah ranchangan Serikandi minggu ini. Puan2 akan tahu jawapannya.

Seterusnya kita berkenalan dengan Dayang Hajjah Masni bte Haji Masri yang telah di-anugerahkan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini dan meninjau kembali ka-upacara mengagai dan bergelar ka-atas Yang Dimuliakan itu.

Tidak ketinggalan juga ruangan 'Resepi Minggu Ini' puan2. Resepi-nya ia-lah Paf Kastad.



AHLI2 dan penyanyi Pancharagam Seri Brunei sedang membuat rakaman di Studio RTB untuk sa-buah ranchangan radio Dendang Muzika Melayu.

Ranchangan sa-tengah jam ini mengandungi lagu2 Melayu Asli dan akan kudara pada tiap2 hari Jumaat jam 5.50 petang dan siaran ulangan-nya pada tiap2 hari Isnin jam 1.30 petang.

Ranchangan ini di-terbitkan oleh Awangku Sulaiman.

"Flying High" siri baru

DALAM siri baru "Flying High" awda penunton akan dapat mengikuti perwatakan tiga orang gadis yang datang dari latar-belakang yang pada keseluruhannya berbedza: Marcy Bower, gadis yang berasal dari keluarga petani dari Sweetwater, Texas; Lisa Benton dari kumpulan masyarakat yang sopistikated di-Greenwich, Connecticut dan Pam Bellagio, sa-orang gadis ko-

ta dari New Jersey.

Mereka di-berikan latehan yang keras dari Sun West Airlines yang telah memberi 'sayap' kepada mereka dan membolehkan mereka untuk berkongsi bilek tempat tinggal mereka.

Apa yang akan awda dapati ia-lah siri pengembaraan yang lengkap dengan jenaka dan cerita tentang kehidupan dan masa yang

di-alami oleh tiga orang pramugari yang menarek perhatian ini—siapa yang telah terkandas di-awan yang tidak mengenal perasaan belas-kasehan itu.

Gambar kanan kelihatan tiga orang pramugari yang chantek dalam siri "Flying High". Kesah2 dalam siri ini berkisar tentang kehidupan dan pengalaman2 sa-benar ketiga2 pelayan kapal ini.



SISWAZAH BRU

"AKU sanggup menjual rambut ku ini— demi untuk mendapatkan belanja melanjutkan pelajaran mu nak". Demikian azam sa-orang ayah. Dan azam itu telah di-makbulkan Tuhan bila Pengiran Badaruddin bin Pg Ghani, Pmk Ranchangan2 RTB (gambar bawah) menjadi anak tempatan yang

pertama dari ali perolehi ijazah d

Kesah seterusnya ranchangan Siswazah Jun jam 7.30 m nya pada 9hb J




LEK Awang Tengah mengadakan temuramah di Balai dengan Yang Datuk Pehin Dato Singa Awang Arif Mujun 'Usaha Jaya'.

Rancangan Radio 'Usaha' disiarkan pada tiap2 hari jam 9.30 malam dan pada hari Khamis 1.00 pagi.

Rancangan ini di-terbitkan oleh Haji Marsal, yang menin-cha2 bumiputera dalam perusahaan, perniagaan dagangan dengan tujuan akan menjadi satu daya dan pendorong kepada masyarakat supaya lebih berkecimpung dalam ekonomi negara.

NEI

Melayu berjaya mem- universiti seberang laut. akan termuat dalam h Brunei keluaran 8hb m dan siaran ulangan- jam 1.00 petang.



"BRUNEI Graduate" this week introduces you to the Deputy Electrical Engineer, Awang Malai Ali bin Malai Haji Othman (above).

Tune in to this programme tomorrow, 7th June at 12.45 p.m. And the same programme can be heard again on Sunday evening at 8.00 p.m.



"The Wild Geese" episod kedua Against The Wind

EPISOD minggu ini "The Wild Geese" ialah bahagian kedua dari hikayat pengembaraan dan pemberontakan ini.

Mary Mulvane yang telah di-cheraiakan sa-chara kejam dari keluarga dan Ireland yang di-chintai-nya itu kini di-bawa dalam kapal Britannia yang khas untuk orang2 salah. Berada dalam pelayaran enam bulan yang menakutkan itu, Mary bertemu dengan sa-orang yang tidak patut untuk di-jadikan teman. Mereka menderita kerana kekasaran kapitan kapal Britannia yang bengis itu dan Mary bermusuh dengan sa-orang pegawai muda yang telah rosak akhlak-nya dan suka menurutkan hawa nafsu-nya dia ia-lah sa-orang tentera dari New South Wales — Maurice Greville.

Gambar atas kiri keliha- tan Polly chuba menenang- kan fikiran Mary Mulvane ketika berada di-dalam kapal Britannia — dalam 'AGAINST THE WIND', bahagian kedua jam 7.40 malam hari Rabu 6hb Jun.

"In Search of the Curious"

WHAT is she looking at? The mystery girl is Jan Ong. She is presenting her own programme in RTB, English Service on Thurs- days at 1.15 p.m.



Beberapa pemandangan di-Brunei dalam Botanic Man — "Potential Energy" malam ini

PASTIKAN-LAH yang awda menyaksikan siri Botanic Man pada malam ini yang kebetulan kebanyakannya dari penggambaran-nya di-ambil di-Brunei. Rancangan ini menerangkan pertukaran yang penting mengenai perkembangan dari laut hingga ka-

darat.

Kita maseh dapat menyaksikan batu loncatan yang sedang berjuang dalam paya yang di-penuhi oleh pokok2 bakau di-mana kayu2 ini mempersembahkan chara bagai- mana pertukaran yang akan mereka laksanakan: daun2

yang tahan dari di-masoki ayer dan mempunyai lubang untuk membebaskan oxygen; sistem2 akar untuk membolehkan-nya berdiri dan menggunakan tenaga matahari; menggunakan sistem 'osmosis' untuk mendapatkan chairan ayer dari bawah tanah.

Pokok2 yang sa-tengah di-ayer/sa-tengah di-darat ini telah ujud semenjak sa-belum zaman binatang2 besar dahulu-kala dan un- tok itu ia-nya merupakan asas bagi simpanan tenaga dunia dalam bentuk tanah dan arang.

RANCHANGAN TVP MINGGU INI

SIRI "Let's Speak English" ranchangan kedua belas mengajar murid2 menggunakan 'His' dan 'Her'. Dalam ranchangan ini, murid2 akan di-bawa melihat Yusof dan Mariam memilih surat2 dan bungkusan2. Dalam pada itu Mariam telah menyuruh Yusof membawa surat2 dan bungkusan2 itu ka-Pejabat Pos, manakala dia pula pergi ka-bank untuk mengambil duit.


Di-akhir ranchangan ini, Che'gu Jinab juga akan menerangkan kepada murid2 bagaimana surat2 itu di-kendalikan dari sejak ia-nya di-poskan hingga di-hantar ka-lapangan terbang dan seterusnya di-kirimkan ka-luar negeri.



Gambar ini menunjukkan Pejabat Besar Pos Brunei.

Siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" ranchangan kedua belas bertajuk 'Waktu'. Ranchangan ini membawa murid2 meninjau bagaimana orang2 purba menchipta jam. Kebanyakan jam2 chiptaan mereka tidak tepat kechuali jam matahari saja yang agak tepat. Jam matahari ini juga mempunyai kelemahan2-nya. Untuk mengetahui lebih lanjut lagi akan kelemahan2 jam2 chiptaan mereka ikuti-lah ranchangan ini.

BUKUK BANTARA SAKU GADIAN
1A-LAH 15"



Gambar rajah ini menunjukkan jam matahari.

Kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 11hb Jun, 1979. "Let's Speak English" akan dapat di-ikuti pada pukul 8.50 pagi dan "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" pada pukul 9.20 pagi.

Siaran ulangan kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari2 Selasa, Rabu dan Khamis bersamaan dengan 12hb, 13hb, dan 14hb Jun, 1979 pada waktu yang sama.

AMBUTAN ULANG TAHUN KE-18 AMDB



Pertunjukkan Bot2 Peronda (atas) pasukan meriam katak (atas tengah) dan pesawat helikopter (atas kanan) serta kereta perisai Scorpion (kanan) ada-lah telah mendapat perhatian dari orang ramai yang mengunjungi pertunjukkan di-Dermaga Bandar Seri Begawan.

Sa-lain dari itu pertunjukkan menchegegah kebakaran dengan menggunakan alat2 moden juga telah di-adakan di-Dermaga itu seperti kelihatan dalam gambar paling kanan.

Gambar2 bawah pula kelihatan orang ramai mengambil peluang untuk menyaksikan sa-chara dekat salah sebuah kapal ronda yang bertambat di-Dermaga Bandar Seri Begawan sementara gambar bawah kanan alat2 senjata ringan yang di-perlihatkan kepada orang ramai di-Perkhemahan Tutong.





KETUA Rumah Panjang Belahau, Majau anak Sat ketika mengemukakan masalah kepada Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dalam perjumpaan di-rumah Panjang Belahau.

PUSB lawat Ulu Tutong

ULU TUTONG. — Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim telah mengadakan lawatan singkat ka-tiga buah kampung di-Ulu Tutong pada minggu lalu.

Tujuan lawatan Yang Teramat Berhormat itu ialah untuk meninjau sa-chara lebel dekat akan kesulitan2 serta masalah yang di-hadapi oleh penduduk2 di-kawasan2 pendalaman itu di-samping ingir membiasakan diri melalui tamu mesra dan ramah tamah dengan mereka.

Yang Teramat Berhormat telah di-iringi oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Puasa bin Tudin, Y.B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking, Pembantu Khas di-Pejabat YTB, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman dan beberapa orang pegawai yang lain.

Kampung2 yang di-lawati oleh Yang Teramat Berhormat itu ialah Kampung Belahau, Supon Kechil dan Supon Besar.



SATU Pameran mengenai perkembangan Daerah Tutong sedang di-adakan di-Muzium Brunei. Pameran sa-lama sa-bulan itu di-anjarkan oleh Muzium Brunei dan Pejabat Daerah Tutong. Berbagai2 aspek dari pentadbiran hingga-lah ka-bidang sosial daerah itu telah dipamerkan.

Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah melakukan pra-tuntun pameran tersebut pada hari Selasa minggu lalu.

Gambar atas kelihatan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya dan lain2 pegawai Kerajaan ketika menyaksikan salah satu pameran yang di-adakan di-Muzium itu.

Peraduan Silat dan Kuntau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Silat dan Kuntau bagi Daerah Brunei akan di-adakan pada 26hb Jun di-Pusat.

Peraduan yang di-adakan ini adalah satu acara tahunan sempena Hari Kebawah DYMM Paduan Baginda Sultan yang ke-10. Peraduan ini adalah terbuka kepada penduduk bermastautin di-Daerah Brunei.

Di-samping menerima hadiah dan Piala Pusingan, pemenang dalam dua2 bahagian ini akan menerima tiket percutian terbang pergi balik ke Singapura.

Borang2 penyertaan boleh di-perolehi dari Setia Usaha, Awang bin Shamsuddin di-Pejabat Brunei-Muara dan Ulu Setia Usaha, Awang bin Haji Apong, Pejabat Pindahan. Borang2 yang di-isikan hendaklah di-kirakan tidak lewat dari jam 4.00 petang.

Kursus Asas Wood Badge

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pengakap Brunei akan mengadakan Kursus Asas Wood-Badge Pengakap sa-lama tiga ia-itu mulai 22hb 24hb Jun, 1979, bertempat di-Pejabat Pengakap Gadong.

Kursus tersebut akan di-pimpin2 oleh Serigala dan Pengakap di-negeri ini. Menyertai kursus ini dapat dari sekarang. Pesuruhjaya2 Pengakap Brunei/Muara, Tutong dan Temburong hendaklah di-kirakan pada Pesuruhjaya Pengakap, tidak 15hb Jun, 1979.

Pengorniaan Bintang2 Kebesaran

Dari muka 1

DPMB; Kapitan Abdul Latif bin Awang Damit menerima Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Ketiga—PNB sementara Major George Lindsay Robertson menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga—SNB.

Lima orang telah di-koroniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga SLJ. Mereka ialah Major S. E. Grant, Major M.G. Couture, Major G. A. Holben, Major D. S. Southern dan Major M. D. Green.

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga—SMB telah di-koroniakan kepada 11 orang pegawai. Mereka yang menerima Bintang tersebut ialah:

Kapitan Awang Ahmad bin Yahya, Kapitan Affalon bin Dato Haji Hamidon, Lt. Mohd Daud bin Haji Jamil, Kapitan Suhaili bin Timbang, Major D. G. Jones, Awang G. Sweetland, Kapitan Abas bin Haji Bagol, Major Ibrahim bin Haji Mohammad, Kapitan Haji Jaafar bin Haji Jaluddin, Lt. Mohiddin bin Sahat dan Lt. Mohd Samit bin Haji Abdul Aziz.

Kemudian Duli Yang Ter-

Dari muka 1

Satu Pertunjukan Khas yang di-ambil bahagian oleh lima yunit dari Angkatan Laut Pertama, Skuadron Bot Khas, Perisai, Pusat Latehan dan Chawangan Udara di-samping Platon Meriam Katak, Jabatan Kuatmaster dan Pusat Perubatan telah juga di-perlihatkan sa-panjang pertunjukan hari terbuka itu dari jam 9.00 pagi hingga tengah hari.

Sementara di-Daerah Belait dan Temburong pertunjukan2 yang sama telah juga menarik perhatian orang ramai oleh semua yunit AMDB. Di-Belait pertunjukan telah di-adakan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin dan di-Temburong di-Markas Perkemahan Bangar. Gambar2 sekitar pertunjukan Hari Terbuka ulang tahun ke-18 di-siarkan di-muka 6 dan 11.

amat Mulia berserta lain2 Kerabat Diraja telah menyaksikan persembahan permainan muzik yang di-persembahkan oleh ahli2 dari Pasokan bersenjata Singapura.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha, ada-lah di-antara pembesar2 negara yang turut hadir di-majlis pada malam itu.

Dari muka 1

lah sangat penting dalam proses pertumbuhan kanak2 samada dari segi sosial, seni, moral, intelektual, emosi dan fizikal.

Awang Haji Ahmad menyatakan untuk mendendikan rancangan pra-sekolah ini, pihak Jabatan Pelajaran telah menghantar beberapa orang guru perkembangan pelajaran dan tempatan berkursus ka-seberang laut di-samping mengikuti kursus dalam negeri untuk mendalami pengetahuan mereka.

Akhir-nya Awang Haji Ahmad mengucapkan tahniah kepada murid2 yang berjaya dan berharap mereka akan mendapat kejayaan lagi di-masa2 yang akan datang. Dan bagi mereka yang belum berjaya, beliau menasehatkan supaya berusaha lebih rajin yang mana rajin dan usaha ada-lah tangga kejayaan.

Jadual pelayaran di-ubah sementara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Brunei telah membuat perubahan sementara jadual perkhidmatan kapal penumpang antara Bandar Seri Begawan dan Pelabohan Victoria, Labuan.

Mulai 2hb Jun yang lalu, kapal penumpang Kerajaan itu akan bertolak ka-Pelabohan Victoria pada jam 9.00 pagi. Perubahan jadual ini akan di-jalankan sa-hingga 14hb Jun. Tetapi bagaimana pun jadual bertolak pada hari Jumaat 8hb adalah seperti biasa ia-itu jam 7.45 pagi.

Jadual bertolak dari Pelabohan Victoria ka-Bandar Seri Begawan tidak berubah ia-itu jam 2.30 petang.

Akibat2 Penchemaran Alam Sekitar

BERIKUT ia-lah perutusan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Brunei, Y.B. Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Dr P.I. Franks bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sa-Dunia yang di-ra'ikan semalam.

"PENCHEMARAN alam sekitar yang terpaksa kita hadapi ia-lah akibat dari kemajuan. Ini berlaku di-sebabkan oleh pertambahan penduduk, perindustrian, perbandaran dan permodenan.

Jadi-nya kita mesti-lah berwaspada terhadap penchemaran alam sekitar ini dengan mengambil tindakan supaya alam sekeliling kita bersih dan sehat terutama bagi kanak2 yang sedang membesar.

Udara yang di-sedut, tempat yang kita diami serta ayer yang kita minum mesti-lah selamat untuk semua.

Tidak ada hari yang lebih baik selain dari Hari Alam Sekitar, yang sekali lagi menekankan kepada kita bahaya terhadap kesihatan akibat dari penchemaran udara.

Tin2 minuman yang kosong yang di-buang tidak menentu akan melibatkan demam denggi kerana tin2 kosong itu ada-lah tempat yang sesuai bagi pembiakan nyamok.

Asap yang keluar dari 'exhaust' kenderaan, memperbanyakkan carbon monoxide

dan penchemaran gas lain di-udara yang mengakibatkan leher gatal dan penyakit paru2. Kanak2 dan orang2 tua mudah menjadi mangsa akibat penchemaran itu.

Membuang sampah sarap sebarangan akan menggalakan pembiakan lalat, tikus, lipas yang mungkin menyebabkan penyakit chert-berit dan kematian. Sampah sarap hendaklah di-bakar dan tempurung2 kelapa, tin2 kosong dan sebagainya hendaklah di-tanam di-kawasan belakang rumah atau di-buang di-tempat pembuangan sampah Jabatan Bandaran.

Mempunyai perasaan timbang-rasa terhadap orang lain dan sedikit peranan sivik dikalangan kita, sedikit sa-banyak akan mengurangkan bahaya2 ini. Kawasan yang bersih membolehkan sa-seorang itu mencapai taraf hidup yang tinggi.

Hari ini ia-lah Hari Alam Sekitar yang di-ra'ikan di-seluruh dunia. Jadi-nya saya menyeru orang ramai supaya bekerjasama dan tolong-menolong menjaga kebersihan alam sekitar Negeri Brunei".